

Mohamad Hussin
mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Persidangan Antarabangsa Kemajuan Kesihatan Ikan (ICFISH) 2017 menyediakan platform untuk komuniti saintifik bekerjasama dengan pen-ternak supaya memahami hubungan kompleks antara penyakit, spesies yang dikultur dan alam sekitar.

Secara umum, ICFISH 2017 membincangkan cabaran dan kemajuan yang diperlukan dalam mengawal penyakit dan pengurusan kesihatan haiwan akuatik.

Ini bagi memenuhi permintaan tinggi ikan dan produk berasaskan ikan sebagai sumber makanan pada masa hadapan.

Persidangan ini juga adalah sebahagian daripada program Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCoE) berkaitan vaksin haiwan dan terapeutik.

ICFISH 2017 anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Jabatan Perikanan (DOF) dan Persatuan Perikanan Malaysia (PPM) bagi membincangkan topik penting dalam industri akuakultur iaitu kesihatan ikan.

Pengerusi ICFISH Prof Dr Mohd Zamri Saad berkata, empat objektif utama dirangka dalam persidangan ini iaitu memberikan perkembangan terkini berkenaan kemunculan penyakit ikan

PLATFORM KERJASAMA INDUSTRI AKUAKULTUR

ICFISH 2017 bincang cabaran, kemajuan diperlukan untuk kawal penyakit dan pengurusan kesihatan haiwan akuatik



NIK Ali (tengah)
bersama peserta
seminar.



NIK Ali melawat tapak pameran ICFISH.



SEBAHAGIAN peserta
mendengar ucapan perasmian.



NIK Ali memukul gong tanda perasmian sambil diperhatikan Dr Mohd Iqbal (dua dari kanan).

yang mengancam industri akuakultur.

"Mempromosi kemajuan ilmu dalam pendekatan diagnostik dan biomarker bagi mengenal pasti penyakit ikan, memberikan maklumat terkini berkenaan penggunaan vaksin, perkembangan baru dalam probiotik dan terapeutik.

"Ini termasuk strategi 'immunoprophylactic' yang wujud dalam sektor akuakultur dan memahami pengurusan penyakit ikan secara praktikal dalam sistem akuakultur yang mampan," katanya sempena ICFISH 2017 di UPM, Serdang, baru-baru ini.

Majlis perasmian disempurnakan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pendidikan Tinggi Datuk Nik Ali Mat Yunus. Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM Prof Dr Mohd Iqbal Saripan.

Mohd Zamri berkata, sebanyak 52 kertas kerja membabitkan 32 kertas kerja lisan dan 20 poster dibentangkan dan dibincangkan pakar serta pihak

berkepentingan dalam sektor akuakultur.

"ICFISH secara umumnya mengetengahkan status kesihatan ikan dan kaedah mengawal penyakit dalam sektor akuakultur.

Walaupun banyak penambahan dibuat sejak kebelakangan ini bagi tujuan mengawal penyakit berjangkit.

"Namun masalah penyakit baru sering kali timbul. Oleh itu, langkah pengawalan berterusan untuk mencari penyelesaian sangat perlu.

"Penemuan penyelidikan bagi penyakit ikan dan teknik mengesan penyakit dibentangkan dalam INFISH. Begitu juga dengan penggunaan teknologi canggih yang menggunakan penanda molekul, diagnostik, vaksin dan terapeutik turut dibincangkan," katanya.

Menurutnya, terdapat juga kecenderungan untuk menggunakan probiotik sebagai alternatif kepada antimikrobial dan ia salah satu pendekatan berkesan bagi sektor akuakultur yang mampan.